

Dr. Mahathir, isteri bercuti ke Sepanyol

UM - 2 NOV 2003

SUBANG 1 Nov. — Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali hari ini berlepas ke luar negara untuk bercuti.

Pesawat eksekutif yang membawa kedua-duanya berlepas pada pukul 9.20 pagi dari Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TU-DM) di sini menuju ke Sepanyol.

Seorang bekas pegawainya berkata, Dr. Mahathir akan bercuti selama dua minggu.

Difahamkan selepas percutian itu, Dr. Mahathir akan berlepas ke Okinawa, Jepun untuk menyampaikan ucapan atas undangan se-

buah universiti di negara itu.

Selain anggota keluarga dan bekas pegawainya, turut berada di lapangan terbang untuk mengucapkan selamat bercuti kepada Dr. Mahathir dan Dr. Siti Hasmah ialah Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak; Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting serta beberapa timbalan menteri.

Pada sidang akhbar terakhirnya di Jabatan Perdana Menteri semalam, Dr. Mahathir berkata, di mana beliau dan keluarga akan menyambut Hari Raya masih lagi belum ditetapkan.